

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (25)  
Tarikh : 13 Mei 2016

**Ketua Pengarang  
Thina Thanti**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR THINA THANTI BERTAJUK "BILA NAGAMMA  
AKAN MENDAPAT 'MERDEKA'" BERTARIKH 12 MEI 2016, KHAMIS – M.S:  
MUKA DEPAN**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Puan Nagamma a/p Murugan yang belum mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia.
3. Untuk makluman, Puan Nagamma a/p Murugan merupakan pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) yang mana beliau lahir di Tanah Melayu sebelum Merdeka. Hasil semakan mendapati Puan Nagamma a/p Murugan tidak pernah mengemukakan sebarang permohonan taraf kewarganegaraan di mana – mana cawangan JPN.
4. Sehubungan dengan itu, JPN menasihatkan pengadu untuk hadir ke JPN berhampiran bagi mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 16 Perlembagaan Persekutuan berdasarkan peraturan sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

📠 : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.:  
1. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)  
2. YBrs. Tuan TKPPN (O)